

11/08/2000

Abu Hassan beri alasan kesihatan

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Khamis - Datuk Seri Abu Hassan Omar memberikan alasan kesihatan sebagai sebab beliau meletak jawatan Menteri Besar Selangor, berkuatkuasa hari ini.

"Sebagaimana yang dimaklumi, saya menjalani pembedahan pintasan jantung pada 21 Ogos 1994. Pada usia genap 60 tahun pada 15 September 2000, saya dapati tugas sebagai Menteri Besar Selangor bertambah berat dari semasa ke semasa.

"Demi menjaga kepentingan kesihatan saya dan seterusnya supaya dapat menumpukan lebih banyak masa kepada isteri, anak-anak, cucu-cucu dan ahli keluarga, saya berpendapat adalah wajar saya meletak jawatan secepat mungkin," katanya.

Beliau menjelaskan demikian ketika membaca kenyataannya dalam sidang akhbar di kediaman rasmi Menteri Besar, di Bukit Megawati di sini kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Kenyataan itu bagaimanapun tidak menyatakan mengenai kedudukannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Permatang. Peletakan jawatannya sebagai Menteri Besar diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri, pagi ini.

Abu Hassan yang menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada jam 5.30 petang semalam, kelihatan sebak sebelum sidang akhbar hari ini dimulakan dan meminta supaya wartawan tidak mengajukan sebarang soalan.

Sebelum itu, Badan Perhubungan Umno Selangor, Adun dan ahli Parlimen daripada Umno Selangor, mengadakan perjumpaan tertutup selama 45 minit di kediamannya, diketuai Timbalan Pengerusinya, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Di akhir pertemuan itu, semua yang hadir bersalaman dan berpelukan dengan Abu Hassan.

"Saya berpendapat bahawa saya telah menyumbang sebahagian besar hidup saya untuk berkhidmat dengan kerajaan demi agama, bangsa dan negara.

"Justeru, wajarlah saya mengundurkan diri untuk memberi perhatian kepada keluarga saya yang telah banyak berkorban dan merupakan tonggak kejayaan saya selama ini," katanya.

Beliau berkata, pengundurannya selaku Menteri Besar Selangor selepas memegang jawatan itu selama tiga tahun dua bulan, dibuat apabila semua usaha sewajarnya telah dirancang, diatur dan dicernakan dalam jentera pembangunan negeri.

"Saya menggubal tunggak pembangunan dikenali Tunggak 10 sebagai pemacu pembangunan negeri Selangor, lebih-lebih lagi dalam tekad Selangor untuk menjadi negeri maju menjelang tahun 2005.

"Justeru, wajarlah saya mengundurkan diri untuk memberi perhatian kepada keluarga yang banyak berkorban dan menjadi tonggak kejayaan saya selama ini," katanya.

Turut hadir dalam akhbar itu ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad dan beberapa ahli Badan Perhubungan Umno Negeri.

Abu Hassan yang menceburi politik selama 22 tahun memegang beberapa jawatan dalam Kerajaan Pusat termasuk sebagai setiausaha parlimen, timbalan menteri dan menteri berkata, beliau menyumbang sebahagian besar hidupnya berkhidmat dengan kerajaan demi agama, bangsa dan negara.

"Saya amat berpuas hati dengan komitmen serta kerjasama yang diberikan semua pihak dalam sama-sama mengeluarkan negeri Selangor daripada kemelut ekonomi yang melanda negara dan negeri pada pertengahan 1997.

"Syukur ke hadrat Allah kerana Selangor kini mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 13.8 peratus bagi suku tahun pertama 2000.

"Saya juga berjaya memperkasakan peranan sektor pertanian sebagai penyumbang penting pertumbuhan negeri, mempasakkan proses pembangunan mampan, menambah peluang pendidikan serta jumlah perumahan mampu milik dan banyak lagi projek pembangunan yang selari dengan keutamaan Kerajaan Persekutuan," katanya.

Beliau mengucapkan setinggi penghargaan kepada Dr Mahathir kerana membimbing dan memberi kepercayaan penuh kepadanya selama 22 tahun bermula dengan jawatan Setiausaha Parlimen dan Menteri (1970-1997) dan Menteri Besar Selangor (1997-2000).

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan negeri, Umno Selangor, rakan politik dan Barisan Nasional, ahli media massa, masyarakat dan semua pihak yang memberi kepercayaan, kerjasama dan sokongan kepada saya selama ini.

"Bagi pihak saya dan keluarga, saya memohon ampun dan maaf jika ada apa-apa kesilapan sepanjang perkhidmatan saya," katanya.

(END)